



SIARAN MEDIA **KEMENTERIAN PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR** **(PETRA)**

9 PROJEK BEKALAN AIR DI WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN **BERNILAI LEBIH RM133 JUTA TELAH BERJAYA DISIAPKAN OLEH** **JABATAN BEKALAN AIR**

LABUAN, 27 Januari 2026 – Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air (PETRA) komited membantu menangani isu bekalan air di Wilayah Persekutuan Labuan. Komitmen ini diterjemahkan menerusi pelaksanaan sembilan (9) projek bekalan air bernilai lebih RM133 juta oleh agensi di bawah PETRA iaitu Jabatan Bekalan Air (JBA), yang kini telah berjaya disiapkan.

Komitmen tersebut ditegaskan oleh YAB Datuk Amar Haji Fadillah bin Haji Yusof, Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Peralihan Tenaga dan Transformasi Air (PETRA), pada Majlis Penyerahan Projek-Projek Bekalan Air di Wilayah Persekutuan Labuan, hari ini.

Daripada sembilan (9) projek yang telah siap, tiga (3) projek bernilai RM106.5 juta telah dilaksanakan secara berperingkat di bawah Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11). Sementara itu, dua (2) projek one-off di bawah Rancangan Malaysia Keduabelas (RMKe-12) bernilai RM4.77 juta berjaya disiapkan dalam tempoh tujuh (7) bulan.

Selain itu, empat (4) projek jangka pendek di bawah peruntukan RM300 juta yang diumumkan oleh YAB Perdana Menteri semasa Belanjawan 2024 turut berjaya disiapkan. Projek-projek ini melibatkan kos keseluruhan RM22.4 juta, merangkumi kerja-kerja pembaikan peralatan mekanikal dan elektrik, penggantian pam, serta baik pulih tangki.

Penyiapan semua projek ini bukan sahaja memperkukuh sistem agihan air di Wilayah Persekutuan Labuan, malah membantu mengurangkan kadar air tidak berhasil (Non-Revenue Water/ NRW). Ia turut memberi

impak besar kepada rakyat serta institusi penting di Labuan, termasuk Hospital Labuan, Institut Latihan Perindustrian, sekolah-sekolah, dan Labuan Crude Oil Terminal.

Infrastruktur bekalan air yang stabil juga dijangka menyokong pertumbuhan ekonomi Wilayah Persekutuan Labuan sebagai pusat kewangan dan perniagaan antarabangsa, sekali gus menarik lebih ramai pelabur.

Berdasarkan rekod Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN), jumlah aduan pengguna menunjukkan penurunan sebanyak 15% dari tahun 2023 ke 2024. Ini mencerminkan tahap kepuasan pengguna terhadap peningkatan kualiti perkhidmatan bekalan air oleh Bahagian Bekalan Air Labuan.

Pada masa ini, terdapat 13 lagi projek di bawah pelan jangka sederhana dan jangka panjang yang sedang dilaksanakan dalam pelbagai peringkat. Ini termasuk Program NRW Kebangsaan Pendekatan 1 Fasa 2, dengan anggaran kos keseluruhan lebih RM470 juta. Semua projek ini dirancang bagi memperkukuh sistem agihan, meningkatkan kapasiti serta mengurangkan NRW, sekali gus memastikan kesinambungan bekalan air bersih kepada seluruh penduduk Wilayah Persekutuan Labuan.

PETRA merakamkan penghargaan kepada semua agensi terlibat, khususnya JBA selaku pelaksana projek, serta pihak berkuasa tempatan, agensi teknikal dan komuniti setempat yang telah memberi kerjasama dalam memastikan pelaksanaan projek berjalan lancar.

Kerajaan Persekutuan menerusi PETRA dan Jabatan Bekalan Air akan terus memastikan kesejahteraan rakyat sentiasa menjadi keutamaan, sejajar dengan konsep Malaysia MADANI yang menekankan kemampanan, kesejahteraan serta keprihatinan terhadap keperluan rakyat.

KEMENTERIAN PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR
27 Januari 2026

Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air (PETRA)
Tel.: 03-8000 8000 | E-Mel: ukk@petra.gov.my

